



1. Pemohon dinasihatkan membaca dengan teliti arahan-arahan di dalam panduan ini sebelum mengisi borang.
2. Borang ini hendaklah dilengkapkan dengan menggunakan **PEN DAKWAT HITAM** dan ditulis menggunakan **HURUF BESAR**.
3. Berikut adalah panduan borang bagi bahagian-bahagian utama di dalam borang permohonan KWSP 3 (PINDAAN) iaitu :-

**(A) MAKLUMAT AHLI**

Lengkapkan dengan maklumat sebagaimana di dalam MyKad atau dokumen pengenalan diri lain pemohon iaitu Nama, Nombor MyKad, Jantina, Agama, Bangsa dan Nombor Polis / Tentera / Pasport.

**(B) MAKLUMAT UNTUK DIPINDA**


Lengkapkan maklumat yang hendak dipinda sahaja : Nama, Nombor MyKad, Polis / Tentera / Pasport, Tarikh Lahir, Taraf Penduduk, Bangsa, Jantina, Kewarganegaraan, Agama, Alamat Surat-Menyurat, Nombor Telefon Rumah, Telefon Pejabat, Telefon Bimbit, Alamat Emel.

**(C) PENDAFTARAN TELEFON TAC DAN i-AKAUN**


Maklumat No. Telefon TAC hanya dilengkapkan sekiranya permohonan dibuat oleh ahli sendiri melalui serahan kaunter.

**(D) PENGESAHAN AHLI**

Pemohon dikehendaki melengkapkan Tarikh Permohonan dan menurunkan Tandatangan serta Cap Ibu Jari Kanan dan Kiri. Cap ibu jari mestilah diturunkan dengan terang dan jelas dengan menggunakan pad cap jari berwarna hitam di dalam ruangan yang disediakan seperti panduan di bawah :-



4. Semua salinan dokumen sokongan hendaklah dibuat dalam kertas saiz A4. Bagi salinan MyKad / Kad Kuasa Polis atau Tentera / Pasport ia PERLU dibuat kedua-dua bahagiannya (depan & belakang) di atas sekeping kertas saiz A4 pada muka surat yang sama seperti contoh di bawah :-



5. Pastikan dokumen yang disertakan bersama-sama dengan borang permohonan diklipkan dan tidak menggunakan pengkot (stapler). Untuk pindaan ahli bukan warga negara, dokumen sokongan perlu disahkan oleh majikan / pihak yang dibenarkan oleh KWSP. Dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan mengikut jenis permohonan adalah seperti berikut :-

Bil	Dokumen	Warganegara Malaysia	Bukan Warganegara
i	Borang Permohonan KWSP 3 (Pindaan)	✓	✓
ii	Salinan MyKad / Kad Kuasa Polis / Tentera atau Surat Pengesahan Kad Pengenalan Awam	✓	
iii	Salinan Sijil Kelahiran / Sijil Warganegara – sekiranya tidak mempunyai MyKad	✓	
iv	Salinan Pasport terkini yang masih sah tempoh laku dan pasport sebelum yang disahkan oleh majikan/pihak yang dibenarkan oleh KWSP.		✓
v	Surat Sumpah – sekiranya perlu	✓	
vi	Surat Pihak Berkuasa Agama bagi ahli beragama Islam atau surat daripada Pejabat Agama Islam yang diberi kuasa; atau surat Mahkamah Syariah (pindaan nama dan agama sahaja)	✓	